



Dana Pengukuhan Semula Restoran

Akta Rancangan Menyelamatkan Amerika menubuhkan Dana Pengukuhan Semula Restoran (RRF) untuk menyediakan dana bagi membantu restoran dan perniagaan lain meneruskan perniagaan mereka. Program ini menyediakan restoran dana yang sama dengan kerugian hasil berkaitan wabak sehingga \$10 juta bagi setiap perniagaan dan tidak melebihi \$5 juta bagi setiap lokasi fizikal. Penerima tidak perlu membayar kembali dana selagi dana digunakan untuk penggunaan yang layak tidak melepasi 11 Mac 2023.

Lawati www.sba.gov/restaurants untuk maklumat lebih lanjut.

Siapakah yang boleh mohon

Entiti layak yang mengalami kerugian hasil berkaitan wabak termasuk:

- Restoran
- Gerai, trak makanan, troli makanan
- Katerer
- Bar, salun, bilik istirahat, rumah rehat
- Bar snek dan bar minuman tidak beralkohol
- Kemudahan atau premis berlesen bagi pengusaha minuman alkohol yang
- membenarkan orang awam merasa, mencuba atau membeli produk
- Kedai roti*
- Pub pembuat bir, bilik merasa, bar paip*
- Kilang bir dan/atau kilang mikro bir*
- Kilang wain dan tempat penyulingan*
- Rumah penginapan*

** Jika jualan di tapak kepada awam mengandungi sekurang-kurangnya 33% penerimaan kasar*

Cara dan bila untuk memohon

Anda boleh memohon melalui Rakan Kongsi Restoran Titik Jualan yang diakui oleh SBA atau secara terus menerusi SBA dalam portal permohonan dalam talian yang akan tersedia di <https://restaurants.sba.gov>.

SBA akan memaklumkan tarikh permohonan dibuka menerusi e-mel dan di media sosial. Anda boleh melanggan kepada e-emel kami di www.sba.gov/updates atau temui akaun media sosial kami di www.sba.gov/social-media.

Dokumen tambahan boleh diminta apabila anda memohon. Lihat senarai penuh di www.sba.gov/restaurants.

Dapatkan bantuan dengan permohonan anda

Untuk bantuan menyediakan permohonan anda, anda boleh mencapai yang berikut:

- Hubungi pusat sokongan: 1-844-279-8898 (Jam: Isnin-Jumaat 8am-8pm ET)
- Pejabat Daerah Tempatan SBA di www.sba.gov/local-assistance
- Contoh borang permohonan dan panduan terperinci program tersedia dalam pelbagai bahasa di www.sba.gov/restaurants.